

NO. SOALAN: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam memastikan restoran-restoran tidak menyalahguna tindakan menggantung ayat al-Quran bagi menarik pelanggan Islam.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Seksyen 28, Akta Perihal Dagangan 2011 telah memperuntukkan Kesalahan Bagi Perlakuan Memperdayakan Atau

Mengelirukan termasuklah penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran atau apa-apa perkara atau objek yang berhubung dengan agama Islam sama ada di premis di mana makanan itu dijual atau pada bekas di mana makanan itu dibekalkan adalah merupakan satu kesalahan.

Dalam hal ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) sentiasa membuat pemeriksaan pemantauan ke atas premis atau syarikat yang mempamer atau menggunakan apa-apa ungkapan halal. Bagi kesalahan ini, denda boleh dikenakan sehingga RM5 juta jika terdapat premis yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran tetapi menjual atau menggunakan bahan najis atau haram. Adalah satu kesalahan juga dan tindakan akan diambil di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, APD 2011 dengan denda tidak melebihi RM200 ribu jika sabit kesalahan terhadap pemilik premis bukan Islam yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran sekalipun bahan ramuannya halal .

Selain dari tindakan penguatkuasaan, JAKIM sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan seperti Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Persatuan Pengusaha Restoran India (PRIMAS) dan lain-lain untuk memberikan kesedaran kefahaman halal berhubung penggunaan ayat-ayat Al-Quran.

Sekian, terima kasih.